

BAB 4

ANALISIS DATA & DAPATAN KAJIAN 1: PENGAMBILAN GILIRAN

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini dimuatkan analisis data dan dapatan kajian mengenai pengambilan giliran. Kajian ini juga akan menganalisa fungsi-fungsi celahan, keadaan-keadaan yang menyebabkan pertindanan berlaku dan mengenalpasti bentuk penggunaan kuasa di dalam perbualan.

4.2 Analisis Data 1

Penulis membuat analisis ke atas data dan melihat corak-corak perbualan bahasa Jepun. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini data-data lisan peserta G tidak akan diberi perhatian. Begitu juga isi perbualan tidak akan diberi penekanan kerana objektif kajian adalah untuk melihat struktur perbualan sahaja.

Telah dinyatakan juga di dalam Bab 3 bahawa simbol X yang banyak terdapat di dalam data perbualan ini terutama di dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6. Ia merujuk kepada ujaran yang tidak jelas akibat pertindanan, suara penutur yang

perlahan atau bercakap dengan laju. Analisis terhadap struktur perbualan bahasa Jepun mungkin memperlihatkan ciri-ciri celahan dan pertindanan. Selain dari itu, penulis juga akan cuba mendapatkan bentuk-bentuk penggunaan ‘kuasa’ oleh peserta di dalam perbualan ini.

4.3 Dapatan

Dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan ciri-ciri celahan dan pertindanan tetapi juga faktor-faktor yang menyebabkan celahan dan pertindanan berlaku di dalam perbualan. Kedudukan ahli politik di dalam *Diet* dan parti politik, serta kekananan atau tempoh perkhidmatan mereka turut memberi ‘kuasa’ kepada mereka untuk membuat celahan dan mengganggu ujaran peserta lain.

Celahan oleh para peserta ini menyebabkan pertindanan di dalam perbualan berlaku. Walau bagaimanapun, bukan celahan sahaja yang menyumbang kepada jumlah pertindanan di dalam data perbualan kajian ini. Faktor-faktor celahan dan pertindanan boleh dilihat di dalam Bahagian 4.3.1 dan 4.3.2.

Hubungan di antara ‘kuasa’ dan kedudukan para peserta serta bentuk-bentuk ‘kuasa’ (melalui ujaran tertentu) yang ditunjukkan oleh peserta boleh dilihat di dalam Bahagian 4.3.3. Yang menarik, bukan peserta tertentu sahaja yang menunjukkan kuasa di dalam perbualan, malah pengesahan pemilikan kuasa oleh para peserta ini juga ditunjukkan oleh Pengurus perbincangan melalui

ujaran atau tindakan tertentu baik secara langsung maupun secara tidak langsung.

4.3.1 Celahan

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah celahan yang dilakukan oleh para peserta dan jumlah purata celahan yang dilakukan di dalam satu minit ujaran. Jumlah celahan yang dilakukan oleh Sesi 4 adalah kurang berbanding dengan 3 sesi lain. Peserta Sesi 1 hingga Sesi 3 membuat celahan sebanyak 2 hingga 2.5 celahan di dalam satu minit ujaran berbanding peserta Sesi 4 yang hanya membuat 0.5 celahan di dalam satu minit ujaran.

Jadual 4.1 : Bilangan Celahan di dalam Perbincangan Berkumpulan

Sesi	Masa (minit)	Bilangan Celahan	Purata Celahan/Minit
1	60	119	2.0
2	60	120	2.0
3	60	149	2.5
4	45	24	0.5a

Faktor yang nyata kenapa Sesi 4 tidak membuat celahan yang lebih banyak berbanding kumpulan lain adalah kerana masa yang terhad kepada 45 minit. Faktor-faktor lain yang mungkin menjadi penyumbang adalah emosi, topik dan sikap peserta yang berlainan semasa membicarakan sesuatu isu.

Jadual 4.2 : Bilangan Celahan di dalam Perbincangan Perorangan

Sesi	Masa (minit)	Bilangan Celahan	Purata Celahan/Minit
	15	3	0.2
2	12	2	0.2
3	10	5	0.5
4	7	1	0.1
5	8	3	0.4
6	13	8	0.6
7	24	0	0
8	29	3	0.1
9	6	0	0

Jadual 4.2 di atas pula menunjukkan bilangan celahan yang dilakukan oleh para peserta perbincangan perorangan iaitu antara seorang ahli politik dan Pengerusi (P). Peserta di dalam perbincangan perorangan membuat celahan di antara 0 sehingga 0.6 celahan di dalam satu minit ujaran berbanding perbualan kumpulan di mana para pesertanya membuat di antara 0.5 sehingga 2.5 celahan di dalam satu minit ujaran.

Berdasarkan bilangan celahan dan purata celahan seperti di dalam perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan di dalam Jadual 4.1 dan 4.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa perbualan perorangan berlangsung dengan lebih terkawal berbanding dengan perbincangan secara berkumpulan.

Walau bagaimanapun celahan tetap berlaku di dalam perbincangan perorangan. P membuat celahan apabila peserta tidak menjawab soalan seperti yang sepatutnya, manakala peserta membuat celahan apabila sudah dapat ‘menangkap’ maksud soalan P. Peserta ini akan mula membuat ujaran sebaik sahaja dapat menangkap maksud soalan P tanpa menunggu P menamatkan soalan. Perlakuan ini menyebabkan berlakunya pertindanan di dalam perbualan tersebut.

Peserta Sesi 1 dan Sesi 2 perbincangan perorangan membuat 0.2 celahan di dalam satu minit ujaran di dalam perbincangan yang mengambil masa selama 15 dan 12 minit. Peserta Sesi 4 pula membuat 0.1 celahan di dalam satu minit ujaran di dalam perbincangan yang berlangsung selama 7 minit. Peserta Sesi 3, Sesi 5 dan Sesi 6 pula masing-masing membuat 0.5, 0.4 dan 0.6 celahan di dalam satu minit ujaran di mana perbualan berlangsung selama 10, 8 dan 13 minit. Peserta Sesi 8 pula hanya membuat 0.1 celahan di dalam satu minit ujaran, walaupun perbualan berlangsung selama 29 minit. Peserta Sesi 7 dan Sesi 9 tidak membuat sebarang celahan di dalam perbualan yang mengambil masa selama 24 dan 6 minit. Faktor-faktor celahan atau alasan mengapa jumlah celahan yang tidak sekata di dalam perbincangan perorangan boleh dilihat di dalam Bahagian 4.3.1 (a).

Nyata sekali, berbeza dengan perbincangan berkumpulan, jumlah celahan di dalam perbincangan perorangan adalah tidak sekata kerana terdapat berbagai faktor atau konteks tertentu yang berbeza bagi setiap peserta. Konteks yang

dimaksudkan adalah sikap peserta, masa, strategi atau cara pengujaran, emosi, kedudukan, topik dan sebagainya. Konteks yang melingkari setiap individu di dalam perbincangan perorangan adalah terserah dengan melihat faktor-faktor yang telah disebutkan tersebut di dalam data perbualan.

Di dalam perbincangan berkumpulan pula, konteks atau ciri-ciri yang melingkari seseorang individu tersebut adalah tidak begitu terserah kerana mereka bercakap bukan sebagai seorang individu tetapi mewakili kumpulan perbincangan atau sesbuah parti politik. Sebagai dua kumpulan perbincangan yang bertentangan ideologi politik, kedua-dua belah pihak berlumba-lumba untuk memberi idea, menyokong dan menguatkan hujah kumpulan masing-masing. Dalam masa yang sama mereka cuba mematikan hujah, mengganggu ujaran atau cuba merampas giliran dengan melakukan celahan pada kumpulan yang berlawanan. Keadaan inilah yang menyebabkan jumlah celahan agak kerap dan dengan jumlah yang agak sekata di dalam perbincangan berkumpulan.

a) Faktor-faktor Celahan di dalam Perbincangan Perorangan

Setelah mengkaji berbagai konteks yang mendasari seseorang individu di dalam setiap sesi seperti kedudukan peserta serta topik perbualan, penulis mendapat terdapat berbagai faktor mengapa celahan di dalam perbincangan perorangan adalah tidak sekata berbanding perbualan berkumpulan.

i) Cara Pengajaran dan Emosi

Tidak terdapat celahan di dalam Sesi 7 walaupun ujaran berlangsung selama 24 minit kerana peserta tersebut iaitu Y membiarkan P membuat ujaran sehingga P benar-benar selesai sebelum menjawab pertanyaan P dan P pula tidak membuat celahan kerana Y memberi isyarat yang dia sudah selesai membuat ujaran melalui ujaran akhir *hai* serta *haa* dan intonasi rendah pada ujaran terakhir tersebut.

Perbincangan di antara Y dan P tidak menyebabkan berlakunya celahan walaupun mengambil masa yang agak lama kerana peserta tersebut bijak mengawal emosi dengan bercakap menggunakan nada atau intonasi yang sama sepanjang perbincangan berlangsung. Kerana faktor yang sama, pertindanan hanya berlaku sekali sahaja di dalam sesi ini.

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan *hai* dan *haa* yang digunakan sebagai penutup perbualan oleh setiap peserta di dalam perbincangan perorangan. Penutup perbualan seperti ini tidak dijumpai di dalam perbincangan berkumpulan.

Jadual 4.3 : Bilangan *hai* dan *haa* Sebagai Penutup Perbualan di dalam Perbincangan Perorangan

Sesi	Bilangan <i>hai</i>	Bilangan <i>haa</i>	Jumlah
1	0	0	0
2	0	0	0
3	1	0	1
4	0	0	0
5	0	0	0
6	2	3	5
7	5	0	5
8	0	0	0
9	1	0	1

Dari jadual di atas, kita dapat melihat hanya 4 daripada 9 peserta memberi isyarat bahawa mereka selesai membuat ujaran melalui isyarat penutup perbualan *hai* dan *haa*. Kesemua peserta menutup perbualan menggunakan kata kerja bentuk *masu* seperti *omoimasu* dan *kangaemasu*. 4 peserta seperti yang terdapat di dalam jadual di atas turut menggunakan kata penutup *hai* dan *haa*. Ujaran *hai* dan *haa* ini menunjukkan penuturnya di dalam keadaan yang beremosi tenang kerana ia diujarkan dengan nada atau intonasi yang rendah.

Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam perbualan Sesi 8, di mana hanya terdapat 3 celahan berlaku, iaitu 0.1 celahan di dalam satu minit ujaran walaupun perbincangan mengambil masa 29 minit. Penutur ini iaitu AA walaupun tidak menggunakan *hai* dan *haa* sebagai penutup perbualan tetapi tidak mengubah intonasi ujarannya daripada awal sehingga akhir ujaran. Ini menunjukkan dia telah bersedia dengan segala jawapan atau penjelasan yang diperlukan P.

Peserta Y (Sesi 7) dan AA (Sesi 8) sebenarnya adalah 2 ‘musuh’ yang berada di dalam parti politik yang sama. AA adalah lebih berumur dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada Y di dalam parti. Y pada masa itu sedang berusaha untuk berkempen menentang Perdana Menteri sedangkan AA adalah orang kanan Perdana Menteri. Oleh kerana sokongan rakyat terhadap Perdana Menteri adalah rendah, Y yakin rakyat dan ahli biasa parti akan menyokong perjuangannya. Oleh itu Y bercakap dengan penuh tenang dan yakin. AA walaupun mengetahui majoriti rakyat tidak menyebelahinya, tetapi seperti juga Y, dia juga bercakap dengan tenang kerana telah bersedia dengan penjelasan tertentu terhadap setiap tindakannya. Oleh itu dia dapat mengawal emosi dengan menjadi pendengar dan penutur yang baik. Ini menyebabkan hanya 3 celahan berlaku walaupun perbualan mengambil masa yang agak lama.

ii) Masa Perbualan

Di dalam perbualan Sesi 9, tiada celahan berlaku kerana faktor masa yang pendek iaitu selama 6 minit sahaja. Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam Sesi 4 di mana hanya satu celahan berlaku bagi perbincangan yang mengambil masa 7 minit. Sesi 3 dan Sesi 6 pula mempunyai bilangan celahan yang lebih banyak iaitu masing-masing 5 dan 8 celahan di dalam perbincangan yang mengambil masa 10 dan 13 minit. Kesimpulan yang dapat dibuat adalah faktor masa turut mempengaruhi jumlah celahan dan pertindanan di dalam perbualan, kerana apabila masa perbualan menjadi lebih panjang, topik perbualan akan

turut bertambah, emosi peserta turut terpengaruh untuk membuat celahan atau mengambil giliran.

Walau bagaimanapun jika penutur telah bersedia dan dapat mengawal emosi dengan merancang dan memberi isyarat tertentu bila dia akan menutup gilirannya, perbualan akan berlaku dengan lebih tersusun dan celahan atau pertindanan akan dapat dikurangkan seperti yang didapati di dalam perbualan perorangan Sesi 7 dan Sesi 8.

iii) Kedudukan Peserta

Jadual 4.4 menunjukkan latar belakang peserta perbincangan perorangan dan kaitannya dengan jumlah atau purata celahan yang dilakukan oleh para peserta tersebut seperti yang akan dibincangkan.

Jadual 4.4: Latar Belakang Peserta Perbincangan Perorangan dan Bilangan Celahan yang Terlibat

Sesi	Bilangan Celahan	Purata Celahan / Minit	Peserta	Posisi Politik
1	3	0.2	H	kerajaan
2	2	0.2	βI	pembangkang
3	5	0.5	J	kerajaan
4	1	0.1	$\alpha \beta K$	pembangkang
5	3	0.4	βL	pembangkang
6	8	0.6	χR	kerajaan
7	0	0	Y	kerajaan
8	3	0.1	AA	kerajaan
9	0	0	βI	pembangkang

Di dalam perbualan perorangan Sesi 3, Sesi 5 dan Sesi 6, bilangan celahan lebih kerap iaitu masing-masing sebanyak 5 kali, 3 kali dan 8 kali, iaitu masing-masing sebanyak 0.5, 0.4 dan 0.6 celahan di dalam satu minit ujaran. Peserta di dalam Sesi 3 merupakan salah seorang pemimpin yang memegang jawatan penting di dalam sebuah parti kedua terbesar yang membentuk kerajaan. Peserta ini bukan sahaja bercakap bagi mewakili kerajaan tetapi juga mewakili parti politiknya. Walaupun peserta ini bukan merupakan seorang pemimpin tertinggi parti tetapi sebagai salah seorang pemimpin kanan sebuah parti kerajaan, pendapat dan pendiriannya di dalam menangani sesuatu isu selalu mendapat perhatian media.

Peserta Sesi 5 pula merupakan pemimpin tertinggi sebuah parti pembangkang. Pendiriannya agak keras terhadap Perdana Menteri dan sikap terus-terang peserta ini di dalam memberi pandangan dan kritikan terhadap sesuatu isu turut mendapat perhatian rakyat dan media. Oleh itu beliau merupakan seorang yang agak ‘berkuasa’ di dalam perbualan dan cenderung membuat celahan apabila perlu.

Peserta di dalam Sesi 6 merupakan seorang pegawai tertinggi kerajaan yang baru dilantik. Oleh kerana kedudukannya penting di dalam kerajaan dan topik perbualan pula agak serius, perbincangan di antara beliau dan P agak ‘tegang’ walaupun kedua belah pihak cuba mengawal perbualan dengan baik.

Peserta Sesi 4 pula walaupun seorang pemimpin tertinggi parti, tetapi telah bercakap dengan agak tenang dan menjawab serta menyatakan pendiriannya kepada P dengan jelas dan tenang. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh usianya yang agak lanjut dan pengalamannya yang lama di dalam politik. Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam perbualan Sesi 2 dan Sesi 9. I, walaupun seorang pemimpin tertinggi parti pembangkang, dapat mengawal perbualan dengan baik.

Oleh itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa peserta yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam parti politik dan kerajaan cenderung untuk membuat celahan. Keadaan ini berkait rapat dengan ‘kuasa’ yang ingin ditunjukkan di dalam perbualan. Walau bagaimanapun bukan kesemua peserta yang mempunyai kedudukan yang tinggi suka melakukan celahan. Ia juga banyak bergantung kepada faktor lain seperti usia, sikap, masa perbualan, topik yang diperbincangkan dan sebagainya.

iv) Topik Perbualan

Jika diteliti topik perbincangan pula, kita akan melihat topik yang diperbincangkan oleh peserta Sesi 3 adalah mengenai pertukaran sistem pilihan raya dan rang undang-undang jenayah rasuah yang dikeluarkan parti kerajaan. Manakala topik yang diperbincangkan di dalam Sesi 6 pula adalah mengenai salah laku pegawai tertinggi kerajaan, seperti membocorkan rahsia kerajaan dan skandal dengan wanita. Juga turut dibincangkan ialah mengenai kemerosotan

sokongan rakyat terhadap Perdana Menteri ketika itu. Topik perbincangan ini pada masa tersebut mendapat liputan meluas media massa tempatan dan boleh menggugat kepimpinan Perdana Menteri ketika itu.

Oleh kerana kedua-dua peserta ialah pemimpin parti-parti politik dan pegawai kerajaan, P lebih cenderung mengemukakan soalan yang agak ‘keras’ kerana jawapan mereka merupakan sikap dan maklum balas kerajaan terhadap rakyat dan pemimpin parti pembangkang yang tidak berpuas hati. Keadaan ini juga turut disokong oleh kecenderungan rakyat dan parti pembangkang yang menyalahkan pemimpin parti kerajaan dan pegawai kerajaan terhadap isu-isu panas yang timbul. Penafian mereka terhadap soalan yang diutarakan P dan sikap berhati-hati semasa menjawab soalan turut menyebabkan celahan dilakukan dua orang peserta ini. P pula lebih kerap membuat celahan terhadap ujaran peserta apabila tidak mendapat jawapan seperti yang dikehendaki.

Berdasarkan penerangan terdahulu dan Jadual 4.4 kita akan dapat melihat celahan lebih kerap berlaku di dalam perbualan perorangan yang melibatkan pemimpin parti-parti kerajaan berbanding parti-parti pembangkang kerana kecenderungan masyarakat untuk ‘menyalahkan’ pemimpin parti kerajaan di dalam sesuatu isu.

Y (di dalam Sesi 7) walaupun merupakan pemimpin parti kerajaan tidak membuat sebarang celahan dan ujarannya juga tidak dicelah oleh P bukan sahaja kerana Y bijak memberi isyarat tertentu di dalam ujarannya tetapi juga kerana isu yang dibincangkan tidak cenderung mendapat kritikan rakyat (terhadap Y), kerana pada masa itu Y sedang membuat keputusan untuk ‘menentang’ parti politik yang diwakili serta kerajaan bagi mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Y berada di pihak yang ‘menyerang’ dan bukan di pihak yang ‘diserang’ dan ‘dipersalahkan’. Y pada masa itu bersama rakyat menyatakan rasa tidak puas hati terhadap Perdana Menteri dan kerajaan di mana peratus sokongan rakyat terhadap kerajaan dan Perdana Menteri, Mori Yoshiro tidak pernah mencapai 10% sepanjang perkhidmatannya.

Berbanding perbualan berkumpulan, celahan dan pertindanan di dalam perbualan perorangan akan lebih mudah dikurangkan jika penutur dan pendengar sama-sama bijak di dalam mengawal perbualan dan saling memberi kerjasama. Faktor-faktor celahan seperti yang telah disebutkan sebelum ini turut menyumbang kepada pertambahan celahan di dalam perbualan.

b) Cara dan Fungsi Celahan di dalam Perbincangan Berkumpulan

Celahan dilakukan bukan sahaja oleh P tetapi juga oleh peserta dari kumpulan parti politik yang sama dan berlainan. Celahan juga merupakan satu usaha untuk mengambil giliran. Tetapi ada perbezaan di antara celahan yang

dilakukan oleh P, celahan yang dilakukan oleh peserta dari kumpulan yang sama dan celahan oleh peserta dari kumpulan yang berlawanan dengan penutur semasa.

Celahan oleh P berlaku disebabkan oleh P mahu memberi giliran kepada peserta lain atau memberi idea serta sokongan kepada penutur semasa apabila P merasakan penutur semasa mencari-cari ujaran yang sesuai. P juga membuat celahan apabila menegur peserta lain yang cuba mengganggu ujaran penutur semasa.

Perbualan [1] menunjukkan P membuat celahan kerana memberi idea kepada penutur semasa. Ini boleh dibuktikan dengan melihat tindakan P selepas membuat celahan yang pendek tersebut terus berdiam dan memberi giliran kepada A.

[1] P melakukan celahan terhadap ujaran A bagi memberi idea.
(121-126)

A: はい、それはですね、E 先生のおっしゃったのはですね、(うん)自分が大蔵委員会だから、金融とかなんかつていいますが、

Hai, sorewa desune, E senseino osshattanowa desune, (un) jibunga ookura iinkai dakara, kinyuutoka nanka tteimasuga,

Ya, apa yang Encik E kata (un) kerana dirinya adalah Ahli Jawatankuasa Kewangan, **kewangan atau sebagainya tetapi,**

P: 影響力がある。

eikyouryokuga aru.

Ada pengaruh.

A: 実は国会の中ではですね、(うん) ...

Jitsuwa kokkaino nakadewa desune,(un)...

Sebenarnya di dalam Diet,(un)...

Di dalam perbualan [1] ini, P melakukan celahan terhadap ujaran A iaitu, ...*kinyuutoka nanka tteimasuga,* (kewangan atau sebagainya, tetapi). Tanda koma (,) menunjukkan ujaran A belum selesai sepenuhnya. P memberi idea kepada A dengan mengujarkan *eikyouryokuga aru* (ada pengaruh). A tidak mengendahkan idea atau cadangan P sebaliknya meneruskan ujarannya yang terganggu.

Di dalam perbualan [2] dan [3] yang berikutnya pula, P membuat celahan kerana memberi persetujuan, menyokong dan memberi idea kepada hujah F.

[2] P melakukan celahan terhadap ujaran F bagi menyokong dan memberi persetujuan.
(172-177)

F: ...で、なぜかっていいですか（うん）とね、さっきもでてましたがね、（うん）斡旋収賄罪ってのが今あるわけですよね、

...de, nazekatte iimasuka (un) tone, sakkimo demashitagane, (un) assenshuuwaizittenoga ima aru wake desuyone,

...dan, kenapa saya mengatakan begitu, (un) tadi pun sudah keluar, (un) **sekarang sudah ada jenayah rasuah,**

P: えー、刑法にね。

ee, keihounine.

Ya, di dalam undang-undang jenayah.

F: で、これがね、…

de, koregane,...

Dan, ini,...

Di dalam perbualan [2], P membuat celahan ke atas ujaran F iaitu, *...ima aru wake desuyone*, (sekarang sudah ada). P membuat celahan untuk memberi persetujuan dan sokongan kepada F melalui ujarannya *ee, keihounine* (Ya, di dalam undang-undang jenayah). F kemudian menyambung semula ujarannya yang terganggu.

Walaupun cadangan P kepada A dan F di dalam [1] dan [2] tidak diendahkan, adalah jelas tujuan P membuat celahan adalah untuk memberi idea kepada A (di dalam [1]) dan menyatakan sokongan serta persetujuan kepada F (di dalam [2]).

[3] P melakukan celahan terhadap ujaran F sebanyak 2 kali bagi memberi persetujuan dan idea.
(190-199)

F: ...で、もうひとつね、(うん) あまりまだ出てない
んだけど、対象となる行為、

*...de, mouhitotsune, (un) amari mada detenain dakedo,
taishooto naru kou,*

...dan, satu lagi, (un) tidak berapa keluar tetapi,
perlakuan yang menjadi objek,

P: そうですね。

soudesune.

Ya.

F: これが行政処分と契約に絞られていますね。

Korega gyousei shobunto keiyakuni shiboraretemasune.

Ini adalah hukuman pentadbiran yang dimeterikan di dalam perjanjian.

P: 限定されますね。

Genteisaremasune.

telah dihadkan.

F: 限定されますね。
しかしねー、(うん) ...

*Genteisaremasune.
Shikashinee, (un) ...*

Dihadkan.
Tetapi,(un)...

Data perbualan [3] ini menunjukkan P membuat celahan ke atas ujaran F, iaitu ... *taishooto naru koui* (perlakuan yang menjadi objek). P memberi persetujuan atau sokongan kepada F dengan mengujarkan *soudesune* (Ya). P sekali lagi membuat celahan ke atas ujaran F iaitu ...*shiboraretemasune* (yang dimeterikan), dengan persetujuan dan cadangan kepada F melalui celahannya iaitu, *Genteisaremasune* (telah dihadkan). F kemudian menerima cadangan P dan mengulang semula ujaran P tersebut sebelum meneruskan ujarannya.

Haruslah diingat bahawa P walaupun memberi idea atau sokongan kepada seseorang peserta, beliau tidak menyokong pendapat peserta tertentu tetapi hanya mengiakan sahaja. Contohnya ujaran *soudesune* di dalam ujaran [3] tidak boleh dipastikan sama ada P bersetuju atau tidak kerana ia boleh memberi konotasi negatif mahupun positif.

Contoh [4] yang berikutnya pula menunjukkan bahawa P melakukan celahan terhadap ujaran B kerana ingin menyerahkan giliran bertutur kepada F.

**[4] P melakukan celahan terhadap ujaran B. B dan F dari pihak yang berlawanan parti politik.
(165-170)**

B: ...これが、国会議員の権限で、(なるほど) ありまして、これは極めて幅広い↑、

...*korega kokkai giinno kengende, (naruhodo)*
arimashite, korewa kiwamete haba hiroi↑,

...Ini adalah bidang kuasa ahli Diet, (*naruhodo*)
ini adalah **bidang yang sangat luas↑**,

P: Fさんね、(えー) 今この対象となる行為とも、(えー)
関連するんですがね、(えー) 今の問題どう考えます
か？。

F sanne, (ee) ima kono taishouto naru kouitomo, (ee)
kanrensurundesugane, (ee) imano mondai dou
kangaemasuka?

En. F, (ee) berhubungkait (ee) dengan perlakuan yang menjadi objek, (ee) apa pendapat anda mengenai masalah sekarang?

F: あのねー、私はね、(うん) ...

anonee, watashiwane, (un)...

anone, saya (un)...

P melakukan celahan ke atas ujaran B, walaupun B belum selesai menghabiskan satu unit ujaran. Intonasi tinggi pada ujaran B yang terletak pada unit PPU iaitu *haba hiroi↑*, (bidang yang sangat luas↑,) menunjukkan masih terdapat unit idea lain yang perlu B ujarkan. P membuat celahan di sini kerana ingin memberi giliran kepada F. F kemudian memulakan ujarannya.

Celahan berlaku sebelum sempat B menghabiskan ujaran. B telah melakukan banyak ujaran dan terdapat ramai penutur lain cuba merampas giliran dengan melakukan celahan tetapi B tidak menyerahkan hak bercakap kepada penutur lain sebaliknya terus bercakap. P juga terlebih dahulu menamakan F sebelum membuat pertanyaan agar B segera memahami bahawa gilirannya sudah selesai.

Jika P membuat pertanyaan kepada F terlebih dahulu sebelum menamakan F, dikhuatiri B akan terus membuat ujaran. Ini tidak menunjukkan bahawa P tidak bersopan kerana memotong percakapan B tetapi disebabkan P terpaksa menggunakan haknya sebagai pengerusi dengan memberi hak bercakap kepada penutur lain. Dengan itu celahan P tidak dianggap sebagai kurang sopan. B tidak membantah dan terus mendiamkan diri dan F yang dinamakan oleh P sebagai penutur seterusnya, terus mengambil giliran.

Berdasarkan contoh-contoh seperti yang dibincangkan, kita dapat membuat kesimpulan bahawa P melakukan celahan kerana,

1. ingin memberi giliran kepada peserta lain,
2. menyokong hujah penutur semasa,
3. memberi persetujuan,
4. dan memberi penerangan kepada penutur semasa.

Celahan berlaku dengan ujaran pendek menunjukkan fungsi celahan bagi melancarkan perbualan dengan memberi sokongan atau penerangan kepada penutur semasa. Celahan juga digunakan bagi memberi hak bercakap yang sama rata kepada para peserta.

Celahan yang dilakukan oleh P bukan merupakan gangguan kepada perbualan dan perbincangan di dalam kajian ini. Ini kerana P mempunyai hak mutlak untuk mengawal aliran perbincangan supaya lebih tersusun dan terkawal. P boleh disifatkan sebagai ‘polis trafik’ yang mengawal aliran lalu lintas jalan raya. Perbualan di sini adalah ‘lalu lintas’ di mana celahan akan lebih kerap dilakukan oleh ‘pemandu’ (iaitu peserta) yang tidak sabar menunggu giliran untuk ‘meneruskan perjalanan’.

Selain daripada P, peserta dari kumpulan parti politik yang sama dengan penutur semasa juga membuat celahan. Celahan berlaku kerana penutur kedua ingin menyokong hujah, memberi idea atau membetulkan fakta penutur semasa seperti di dalam [5].

**[5] Peserta #, dari kumpulan parti politik yang sama membuat celahan ke atas ujaran HH bagi memberi sokongan.
(2411-2418)**

HH:自民党って書くほうが少なかつたんですね。(うん)
候補者は自民党を書いても、(うん)あのう党のほうは書かないと。(うん)
だから、そういうね、いろんなことをわからん、国民がしっかりわかった上でやるようにしないと、(うん)

*Jimintoutte kakuhouga sukunakattan desune. (un)
Kouhoshawa jimintouwo kaitemo, (un) anou touno
houwa kakanaito. (un)
dakara, soiune, ironna kotowo wakaran, kokuminga
shikkari wakatta uede yaru youni shinaito, (un)*

Yang memilih calon Parti Liberal Demokratik adalah sedikit.

Jika calon memilih Parti Liberal Demokratik pun, (*un anou*, tidak memilih parti. (*un*)

Kerana itu, seperti itu, rakyat tidak faham mengenai pelbagai perkara, jika kita tidak memberi penerangan sehingga rakyat faham, (*un*)

#: そうだ。

Souda.

Betul.

HH: 勝手にこっちだけで選べられるほうが<一生懸命やったってだですよね、> {<}

Katteni kocchidakede eraberareruhouga <isshoukenmei yattatte dame desuyone,>{<}

Sekiranya hanya kita iaitu orang-orang yang dipilih sahaja buat <bersungguh-sungguh pun tidak berguna,>{<}

Peserta #, yang tidak dapat dikenal pasti tetapi berada di dalam kumpulan yang sama dengan HH (berdasarkan bukti rakaman video), membuat celahan walaupun mengetahui HH sedang meneruskan ujarannya. Peserta # membuat celahan untuk memberi sokongan kepada HH melalui ujarannya, *souda* (betul) semasa HH berhenti untuk menarik nafas. Ujaran # yang pendek, cukup untuk menjadi bukti bahawa # tidak berniat untuk merampas giliran. HH kemudian menyambung semula ujarannya yang terganggu.

Di dalam data perbualan ini, iaitu celahan yang berlaku disebabkan oleh P atau peserta dari kumpulan yang sama, tidak ditemui data yang menunjukkan celahan dilakukan semata-mata untuk merampas atau mengambil giliran. Ini menunjukkan terdapat kerjasama di antara sesama peserta dari kumpulan parti politik yang sama.

Peserta daripada kumpulan parti politik yang bertentangan dengan penutur semasa juga turut membuat celahan seperti di dalam [6] yang berikut. Celahan yang dilakukan adalah satu cubaan merampas giliran, mematikan hujah atau memberi tekanan psikologi kepada pihak lawan. Celahan juga dilakukan apabila fakta sebenar bertentangan dengan apa yang pihak lawan berikan.

**[6] Peserta # dari kumpulan parti politik yang berlawanan melakukan celahan terhadap ujaran BB dan cuba mengambil giliran tetapi gagal kerana BB bercakap dengan tempo yang cepat dan nada yang tinggi.
(2456-2460)**

BB:いや、それが、(うん)第8次選挙制度審議なんですよ、

iya, sorega, (un) daihachiji senkyo seido shingi nandesuyo,

Tidak, itu, (un) adalah majlis mesyuarat sistem pilihanraya ke-8,

#:あのね↑、XXX

anone↑, XXX

anone↑, XXX

BB:そこで大議論をして結論出してもらってんだ。

sokode daigironwo shite ketsuron dashitemorattenda.

telah berbincang di situ dan telah keluarkan keputusan.

Di dalam data perbualan [6] ini, peserta # yang tidak dapat dikenal pasti tetapi dari kumpulan parti politik yang berlawanan (bukti dari rakaman video) membuat celahan untuk cuba merampas giliran daripada BB. Ujaran peserta #, *anone* ↑ tidak dapat diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan tepat tetapi berdasarkan intonasi *anone* tersebut, *anone* boleh membawa maksud bahawa penutur # tidak bersetuju dengan hujah BB dan cuba memberi pendapat yang berbeza.

Intonasi tinggi pada ujaran tersebut juga turut menjadi bukti bahawa # cuba mematikan hujah BB. BB tidak menghiraukan celahan atau cubaan # untuk merampas giliran sebaliknya meneruskan ujaran buat seketika sebelum berhenti dan memberi giliran kepada P (atau peserta lain).

Celahan yang kerap dilakukan oleh orang yang sama sehingga menyebabkan penutur semasa iaitu penutur yang berhak mengambil giliran bercakap berhenti dari meneruskan ujarannya merupakan satu gangguan. Ini kerana dia merampas hak orang lain dari bercakap dan jelas ini merupakan satu pelanggaran undang-undang di dalam perbualan. Lihat perbualan [7].

[7] P membuat celahan ke atas ujaran E sebelum E sempat menghabiskan ujaran. P telah menamakan C, peserta dari kumpulan parti politik yang berlawanan dengan E. E terus membuat ujaran walaupun hak bercakap diberikan kepada C. Oleh kerana fokus jurukamera adalah C, suara C didengar dengan lebih jelas berbanding suara E. E mengganggu ujaran C sehingga C selesai memberi pendapat. E adalah peserta kanan dan lebih berumur berbanding C serta memegang jawatan tertinggi sebuah parti politik pembangkang.

(519-549)

E: ...ですからね、たとえば今議論して た私設秘書
は公務員じゃないからとかいう、そういう形式的な、
(うん) 話ではないんです、

*...desukarane, tatoeba ima giron shiteta shisetsu hishowa
koumuin janaikara tokaiu, souiu keishikitekina, (un)
hanashidewa naindesu,*

...Oleh itu, misalnya seperti yang dibincangkan sekarang, setiausaha peribadi adalah bukan pegawai kerajaan, ini bukan perbincangan mengenai masalah bentuk,(un)

P: < Cさん、これは今ま一実態の問題になると思うん
ですがね、(えー) あんまり形式の問題にこだわって
もしようがないじゃないかっていう。>「<」

*<C san, korewa ima maa jittaino mondaini naruto
omoundesugane, (ee) anmari keishikino mondaini
kodawattemo shouganai janaikatteiu.>{<}*

<En. C, saya rasa ini yang menjadi masalah yang sebenarnya sekarang, (ee) tidak perlu sangat bergantung kepada masalah bentuk. >{<}

E: < 私設秘書と公設秘書はほとんど区別つかないです
よ。>
<同じようなことやらしてるんだから、形式の話して
るんじゃ、>

<*Shisetsu hishoto kousetsu hishowa hotondo kubetsu tsukanaidesuyo.*> <*Onaji youna koto yarashiterun dakara, keishikino hanashi shiterunja,*>

<Adalah sukar untuk membezakan antara setiausaha peribadi dan setiausaha kerajaan.>
<kerana kita memberikan kerja yang seolah-olah sama, jika kita membicarakan tentang masalah bentuk,>

C: < Eさんのね、言ってるようなこといったらね、現実の政治なんて動かないと思いますよ。>

<*E sannone, itteru youna koto ittarane, genjitsuno seiji nante ugokanaito omoimasuyo,*>

<Jika kita membicarakan seperti apa yang dikatakan En. E, saya rasa politik yang sebenarnya tidak akan berfungsi,>

E: <XXX.>

P: <ちょ、ちょっと待って。>

<*Cho, chottomatte*>

<Tu, tunggu sekejap.>

E: <XXX.>

C: <といいますのはね、> {>} だいたいね、その、
たとえば、連合なんかだっていろんな政策ようきや
るわけでしょ。(うん) ...
<ですから明らかにね、やっぱりね、対象となる行
為っていうのはね、> {<}

*<toiimasunowane,>{>} daitaine, sono, tatoeba, rengou
nankadatte ironna seisaku youkiyaru wake
deshou.(un)...*
*<desukara akirakanine, yapparine, taishouto naru koui
tteiunowane,>{<}*

<kerana,> {>} secara kasarnya, itu, misalnya, kesatuan
pun menjalankan pelbagai polisi asas. (un)...
<Oleh itu, jelas, sebenarnya, perlakuan yang menjadi
objek adalah、>{<}

E: <XXX>

C: <その行為自体は別にいかんとは言ってない訳でし
ょう。>

*<sono koui jitaiwa betsuni ikantowa ittenai wake
deshou.>*

<Saya tidak mengatakan bahawa perlakuan seperti itu
sendiri tidak boleh.>

E: <XXX.>

P telah membuat celahan ke atas ujaran E untuk memberi giliran kepada

C. Walau bagaimanapun E tetap meneruskan ujarannya walaupun P telah
menamakan C. Ini menyebabkan ujaran P dan ujaran E bertindan. C, setelah P
selesai mengemukakan soalan kepadanya, memulakan ujarannya pula. Tetapi
ujarannya dan ujaran E turut bertindan kerana E masih meneruskan ujarannya.

Walau bagaimanapun C masih meneruskan ujarannya bersama-sama dengan ujaran E, iaitu XXX.

Perbualan [7] dengan jelas menunjukkan bagaimana E telah merampas giliran dari C kerana E terus berucap walaupun P telah menamakan C (lihat ujaran P di dalam perenggan dua ujaran) untuk mengambil giliran. Keadaan ini menyebabkan ujaran P bertindan dengan ujaran E. C pula mengambil giliran dan sekali lagi ujaran C dan E bertindan. E tidak memberikan ruang kepada C untuk memberi pendapat dan juga tidak mendengar hujah C. Ini merupakan satu perlakuan merampas giliran dan gangguan kerana celahan ini menyebabkan pertindanan berlaku sehingga ujaran C selesai.

Walau bagaimanapun ujaran E tidak dapat didengar dengan jelas di dalam rakaman ini kerana E bercakap terlalu laju, nada suara E yang agak rendah serta fokus jurukamera telah beralih daripada E kepada C. E bercakap terlalu laju kerana ingin mengejar percakapan C dan menggunakan suara yang agak rendah kerana E menyedari bahawa bukan gilirannya bercakap tetapi C. Perlakuan E boleh difahami kerana E bukan sahaja merupakan ahli *Diet* yang kanan, tetapi juga lebih berumur berbanding C. Bilangan X yang banyak di dalam setiap ujaran E, menunjukkan jumlah ujaran E yang tidak jelas. E bercakap seiring dengan ujaran C dan seolah-olah ‘berlumba’ dengan C untuk turut memberi hujah dan mengkritik C atau pihak yang diwakili oleh C.

Celahan yang dilakukan oleh P juga bukanlah merupakan satu gangguan kerana P mempunyai hak mutlak untuk mengawal perbualan para peserta agar berjalan lancar. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, celahan yang dilakukan oleh Pengerusi di dalam kajian ini seratus peratus tidak berunsurkan gangguan.

Oleh itu sebagai kesimpulannya, pengambilan giliran berlaku melalui celahan. Celahan yang dilakukan untuk memberi idea dan membetulkan fakta bukan merupakan gangguan di dalam perbualan sama ada celahan tersebut dilakukan oleh pihak yang sama atau bertentangan. Celahan dilakukan bertujuan meminta keizinan P atau penutur semasa untuk mengambil giliran.

Peserta di dalam kajian ini membuat celahan untuk,

1. menyokong ujaran penutur dari kumpulan yang sama,
2. merampas giliran daripada peserta dari kumpulan yang berlawanan,
3. mengganggu dan memberi tekanan psikologi kepada peserta dari kumpulan yang berlawanan, dan
4. meminta persetujuan P dan penutur semasa untuk mengambil giliran.

c) Cara dan Fungsi Celahan di dalam Perbincangan Perorangan

Di dalam perbualan perorangan iaitu antara P dengan seorang peserta, celahan dilakukan oleh P untuk memotong percakapan penutur semasa apabila penutur semasa tidak menjawab soalan seperti yang sepatutnya. Celahan dibuat oleh penutur semasa terhadap ujaran P apabila penutur semasa tidak memahami atau ingin memastikan pertanyaan P (ihat ujaran [9]).

[9] Perbualan antara P dan R di mana celahan dilakukan oleh P dan juga R apabila berlaku ketidakpastian soalan atau jawapan dari kedua-dua belah pihak.

(6979-6994)

P: …これもどうも嘘の、疑いが強いのではないかと、こういうようなことを言ってますね。

…*koremo doumo usono, utagaiga tsuyoino dewanaikato, kouiyounakotowo ittemasune.*

…Ini pun seperti bohong, kesangsian semakin kuat, dikatakan seperti ini.

R: 嘘と申すのは、あのう、

usoto mousunowa, anou,

Apakah yang dikatakan bohong, anou,

P: 虚偽ではないかとね、内閣答弁書そのものが。

kyogi dewanaikatone, naikaku toubensho sonomonoga.

Kertas jawapan Diet itu sendiri adalah palsu.

R: そのものがですか？

Sonomonoga desuka?

Kertas jawapan itukah?

P: えー。
そういう疑いが強くなってきておるぞと、

ee.

Soiu utagaiga tsuyokunattekite oruzoto,

Ya.

Kesangjian seperti itu semakin lama semakin kuat,

R: <いや、> {<}

<*iya*, >{<}

<Tidak.>{<}

P: <こういう> {>} こと野党言っております。

<*kouiu*>{>} *koto yatou itteorimasune.*

<Itu>{>} apa yang dikatakan oleh pembangkang.

R: いや、私は、そういうようには、あのー、思っておりません。(うん) ...

Iya, watashiwa, souiuyouniwa, anou, omotteorimasen...

Tidak, saya, tidak memikirkan demikian...

Ujaran R *anou*, di dalam *usoto mousunowa*, *anou*, menunjukkan R tidak memahami perkara yang dikatakan sebagai ‘satu pembohongan’ oleh P. P kemudian membuat celahan apabila R mengujarkan *anou* ‘yang tergantung’. Di dalam perbualan bahasa Jepun, *anou* yang diujarkan dengan nada lambat, perlahan dan tergantung, menunjukkan seseorang penutur itu tidak memahami atau sedang mencari sesuatu unit idea. Di dalam perbualan ini, berdasarkan konteks ayat atau ujaran sebelum dan selepasnya, R tidak memahami maksud sebenar P.

P kemudian menjelaskan kepada R, apakah yang dimaksudkan dengan ‘satu pembohongan’ dengan mengujarkan *kyogi dewanaikatone, naikaku toubensho sonomonoga* (kertas jawapan *Diet* itu sendiri adalah palsu). R kemudian membuat pertanyaan semula bagi mendapatkan kepastian daripada P. Apabila P memberi jawapan dan penerangan kepada R, R kemudiannya membuat celahan dan manafikan pernyataan P melalui ujarannya, *iya* (tidak) menyebabkan ujaran tersebut dan ujaran P bertindan buat seketika. R kemudiannya meneruskan ujaran dan memberi pendapatnya.

Di dalam perbualan di atas kita melihat bagaimana P melakukan celahan terhadap ujaran R iaitu *usoto mousunowa*, *anou*, tetapi P melakukannya kerana R nampaknya tidak memahami sepenuhnya pernyataan P di mana R mengujarkan *anou* dengan perlahan, lambat serta dengan nada tergantung. R pula melakukan celahan terhadap ujaran P iaitu *ee. Soiu utagaiga tsuyokunattekite oruzoto*

apabila telah dapat menangkap apa yang dimaksudkan oleh P. R kemudian menafikan pernyataan P.

Celahan yang dilakukan di dalam perbualan perorangan seperti di atas bukan merupakan gangguan di dalam perbualan kerana sama ada P mahupun peserta mempunyai alasan untuk melakukan celahan, dan bukan semata-mata untuk merampas giliran.

Berdasarkan data perbualan [1] hingga [9] ini, kita dapat melihat bahawa peserta yang membuat celahan menunggu penutur semasa berada di unit PPU sebelum melakukan celahan. Peserta terbabit menunggu masa yang sesuai sebelum bertindak untuk mengambil giliran. Ini menunjukkan walaupun tidak terdapat peraturan bertulis bila dan bagaimana untuk penutur mengambil giliran atau melakukan celahan, peraturan tersebut memang wujud di dalam perbualan dua hala, iaitu menunggu sehingga penutur semasa berada di peringkat jeda tertentu.

Penutur yang lebih sopan akan menunggu penutur semasa selesai satu-satu unit ayat atau ujaran sebelum memulakan ujaran atau membuat celahan, seperti yang dilakukan oleh B di dalam data perbualan [8]. B berbuat demikian terhadap ujaran F yang lebih berumur. Walau bagaimanapun seperti yang di dapati daripada data perbualan [1] hingga [9], kebanyakan penutur tidak menunggu sehingga satu unit ayat atau ujaran selesai, untuk membuat celahan,

Celahan tidak dianggap gangguan sekiranya ia dilakukan untuk menyatakan sokongan, membetulkan fakta atau jika peserta yang membuat celahan meminta persetujuan Pengerusi atau penutur semasa, supaya memberikan giliran kepadanya seperti di dalam [8] di bawah.

[8] B melakukan celahan untuk meminta kebenaran bercakap daripada F. B dan F dari kumpulan parti politik yang berlawanan. F lebih berumur daripada B.
(407-418)

P: Fさん、この問題はどうなんですか？。

Fsan kono mondaiwa dou nan desuka?

En. F, bagaimana dengan masalah ini?

F: ...ですからね、そこでね、秘書をね、(うん) 私設とか公設だとかね、(うん) 分ける理由つうのは全くないわけです。

...desukarane, sokodene, hishowone, (un) shisetsutoka kousetsutokane, (un) wakeru riyuu tssuunowa mattaku nai wakedesu.

...oleh itu, dengan itu, setiausaha, (un) peribadi atau setiausaha kerajaan, (un) tidak ada alasan langsung untuk membahagikannya.

B: ちょっとよろしいですか？。

chotto yoroshii desuka?

Bolehkah sekejap?

F: なぜならね、…

nazenarane...

kerana...

F telah membuat ujaran selepas dinamakan oleh P. Setelah selesai satu unit ujaran, iaitu setelah F berhenti untuk memulakan satu ayat yang lain, B meminta kebenaran daripada F dan P, untuk mengambil giliran melalui ujarannya *chotto yoroshii desuka?* (Bolehkah sekejap?). Penggunaan kata sopan *yoroshii desuka* (berbanding *iidesuka*) digunakan bagi menghormati F yang lebih berumur. Walau bagaimanapun, permintaan B ditolak di mana F meneruskan ujarannya.

Selain daripada melakukan celahan untuk merampas giliran, cara lain adalah dengan meminta kebenaran P atau penutur semasa untuk bercakap. Cara yang lebih biasa adalah menunggu Pengerusi menyerahkan giliran kepada seseorang peserta mengikut giliran yang telah ditetapkan oleh Pengerusi.

Di dalam perbualan ini B cuba meminta giliran daripada P (atau F) untuk membuat ujaran tetapi tidak dihiraukan. Celahan dan perlakuan B ini bukanlah satu gangguan, kerana B hanya meminta kebenaran bercakap dan apabila P dan F tidak memberi giliran kepada B, B diam dan membiarkan F bercakap.

sebaliknya ketika penutur semasa berada pada peringkat jeda atau unit idea (PPU) tertentu.

4.3.2 Pertindanan dan Celahan

Jadual 4.5: Bilangan Pertindanan di dalam Perbincangan Berkumpulan

Sesi	Masa (Minit)	Bil. Pertindanan	Masa/Bilangan
1	60	67	0.9
2	60	51	1.8
3	60	80	0.8
4	45	14	3.2

Jadual 4.5 di atas menunjukkan di mana sekurang-kurangnya di dalam 3.2 minit ujaran terdapat satu pertindanan ujaran berlaku di dalam perbualan Sesi 4. Pertindanan di dalam Sesi 1 hingga Sesi 3 adalah lebih kerap lagi, iaitu 0.9 minit ujaran, 1.8 minit ujaran dan 0.8 minit ujaran bagi setiap pertindanan.

Seperti juga celahan, penulis berpendapat faktor masa, isu dan emosi peserta di dalam Sesi 4 merupakan faktor penting kenapa pertindanan jarang berlaku berbanding 3 sesi lain.

Jadual 4.6: Bilangan Pertindanan di dalam Perbincangan Perorangan

Sesi	Masa (minit)	Bil. Pertindanan	Masa/Bilangan
1	15	1	15
2	12	2	6
3	10	2	5
4	7	3	2.3
5	8	2	4
6	13	4	3.2
7	24	1	24
8	29	0	0
9	6	0	0

Pertindanan di dalam perbincangan perorangan juga berkurang berbanding dengan perbincangan secara berkumpulan. Ini menunjukkan di dalam perbualan perorangan terdapat solidariti di antara P dan para peserta sedangkan di dalam perbualan berkumpulan konflik dan percanggahan pendapat sering berlaku akibat ideologi politik yang berbeza.

Jadual 4.7 : Bilangan Celahan dan Pertindanan di dalam Perbincangan Berkumpulan

Sesi	Bilangan Celahan	Bilangan Pertindanan
1	119	67
2	120	51
3	149	80
4	24	14

Jadual 4.8 : Bilangan Celahan dan Pertindanan di dalam Perbincangan Perorangan

Sesi	Bilangan Celahan	Bilangan Pertindanan
1	3	1
2	2	2
3	5	2
4	1	3
5	3	2
6	8	4
7	0	1
8	3	0
9	0	0

Daripada Jadual 4.7 dan 4.8, kita dapat melihat bahawa semakin banyak celahan berlaku maka bilangan pertindanan juga akan bertambah dan ini membuktikan bahawa celahan sememangnya adalah salah satu faktor penting yang menyebabkan pertindanan berlaku. Kenyataan ini dapat difahami dengan lebih jelas jika kita melihat kedua-dua jadual di atas di mana, secara kasarnya bilangan pertindanan bertambah mengikut pertambahan bilangan celahan.

Walau bagaimanapun jika diteliti dengan lebih halus, pertambahan bilangan pertindanan dengan bilangan celahan adalah tidak sekata. Contohnya, jumlah celahan di dalam Sesi 1 dan Sesi 2 perbincangan berkumpulan adalah masing-masing sebanyak 119 celahan dan 120 celahan. Jika di dalam Sesi 1 bagi 119 celahan, terdapat 67 pertindanan berlaku, di dalam Sesi 2 pula bagi 120 celahan, sepatutnya jumlah pertindanan yang dijangka adalah sekurang-kurangnya melebihi 60 pertindanan dan bukan 51 pertindanan sahaja.

Ini menunjukkan pertambahan pertindanan yang tidak selari dengan pertambahan celahan.

Jika kita melihat Sesi 1, Sesi 3 dan Sesi 4 di dalam Jadual 4.7, kenyataan bahawa jumlah pertindanan adalah mengikut jumlah celahan yang berlaku di dalam perbualan adalah tidak dapat dielakkan. Oleh itu berdasarkan kedua-dua jadual di atas penulis membuat kesimpulan bahawa walaupun jumlah celahan di dalam perbualan turut menyumbang kepada jumlah pertindanan, namun pertambahan jumlah celahan dan pertambahan jumlah pertindanan adalah tidak sekata. Ini menjadi bukti bahawa walaupun celahan menjadi faktor penting kepada berlakunya pertindanan, terdapat faktor lain yang menyebabkan pertindanan berlaku dan bukannya celahan semata-mata.

Pertindanan hanya berlaku jika kedua-dua peserta tersebut, iaitu penutur semasa dan penutur yang membuat celahan, tidak beralah dan terus membuat ujaran kerana niat mereka untuk merampas giliran atau mengambil giliran. Jika salah seorang beralah, maka pertindanan tidak akan berlaku atau sekurang-kurangnya jumlah pertindanan dapat dikurangkan.

Terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan pertindanan berlaku. Faktor-faktor lain ini boleh dilihat di dalam bahagian berikut.

a) Faktor-faktor Pertindanan

Pertindanan berlaku bukan kerana celahan semata-mata. Pertindanan boleh berlaku kerana percakapan serentak di hujung ujaran penutur semasa dan di awal ujaran penutur kedua, seperti di dalam perbualan [10] di bawah. Keadaan ini berlaku akibat penutur kedua memulakan ujaran sebaik sahaja mengagak penutur semasa akan menamatkan ujarannya atau telah berada pada kemungkinan TRP.

Pertindanan seperti ini berlaku kerana penutur kedua menunggu penutur semasa berada di akhir-akhir ujaran atau kemungkinan TRP, sebelum membuat ujaran. Apabila penutur kedua merasakan penutur semasa telah habis sesuatu unit idea, penutur kedua dengan segera mengambil giliran. Ini mungkin juga satu strategi penutur kedua untuk,

1. tidak membenarkan penutur semasa meneruskan ujarannya,
2. satu strategi supaya penutur lain tidak mengambil giliran atau,
3. satu strategi agar pengerusi tidak memberikan hak giliran bercakap kepada penutur lain.

[10] Ujaran P dan D yang bertindan. P telah mengemukakan soalan kepada D.
(324-327)

P: 民主党といっしょに公明党も最初、(はい)に法案したじやないかと、<いうことですね?。> {<}

minshutouto isshoni koumeitoumo saisho, (hai) ni houan dashitajanaikato, <iuuukotodesune?>{<}

Bersama dengan Parti Demokratik, Parti Komei Baru juga mula-mula sekali, (hai) keluarkan rang undang-undang itu?

D: <だから、政策ってのは、> {>} この法案のポイントなんですね。(うん)

<Dakara, seisakuttenowa,>{>}kono houanno pointo nan desune. (un)

Kerana itu, polisi adalah isi penting rang undang-undang ini. (un)

Perbualan di atas menunjukkan bagaimana D memberikan hujahnya sebelum sempat P menghabiskan ujarannya. Ini menyebabkan pertindanan berlaku di hujung ujaran P dan di awal ujaran D. D telah mengagak kemungkinan TRP P, selepas ujaran *janaikato* dan dengan itu terus memberi jawapan kepada soalan P dan menyebabkan ujaran P, *iuukotodesune* dan ujaran D, *dakara seisakuttenowa* bertindan.

Perbualan [11] berikut pula menunjukkan satu strategi B untuk mengekalkan giliran bercakap dengan mengujarkan *sorega itten* (Itu yang pertama) selepas selesai satu unit ujaran. F pula cuba mengambil giliran atau

menolak hujah B sebaik sahaja B dirasakan sudah habis membuat ujaran terakhir.

F mengagak kemungkinan TRP B ialah selepas ujaran *wakedesu*. Walau bagaimanapun B meneruskan ujaran dan tidak memberi peluang kepada F untuk mengambil giliran. Ternyata sangkaan F bahawa *wakedesu* merupakan kemungkinan TRP B adalah tidak tepat. F gagal di dalam cubaan untuk mengambil giliran, manakala B berjaya mengekalkan gilirannya bercakap.

[11] F melakukan celahan, bertujuan untuk merampas giliran daripada B, menyebabkan akhir ujaran B dan ujaran F bertindan. Walau bagaimanapun, B terus melakukan ujaran menyebabkan ujaran berikutnya juga bertindan dengan ujaran F.

(460-465)

B: ...普通はそういう場合ですよ、私設秘書がやっていることを国会議員が容認しているわけです。
<それが一点。> {<}

...*hutsuwa soiuu baai desuyo, shisetsu hishoga yatteiru kotowo kokkai giinga younin shiteiru wake desu.*
<*sorega itten.*>{<}

...Biasanya di dalam kes begitu, apa yang dibuat oleh setiausaha peribadi **adalah** dengan pengetahuan ahli Diet.
Itu yang pertama.

F: <それはね、それはね、>

<*sorewane, sorewane,*>

Itu, itu,

B: <もう一点は、> {>} ...

<*mou ittenwa, >{>}...*

Yang seterusnya adalah,...

Selain dari itu terdapat satu situasi di mana penutur yang membuat celahan tidak bertujuan merampas giliran tetapi sekadar untuk menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara termasuklah terhadap hujah penutur semasa. Penutur kedua bercakap serentak dengan penutur semasa. Di dalam keadaan ini, penutur kedua bercakap dengan suara perlahan. Tidak jelas kepada penonton di luar televisyen tetapi jelas kepada para peserta lain. Penutur kedua menolak hujah penutur semasa atau bercakap dengan rakan dari kumpulan parti politik yang sama. Lihat data perbualan [12] dan [13] berikut.

[12] Sekurang-kurangnya dua orang penutur bercakap serentak dengan ujaran C yang menyebabkan pertindanan berlaku. Pertindanan dan suara yang perlahan menyebabkan ujaran iaitu XXX tidak dapat didengar dengan jelas.

(1055-1064)

C: ...えー、ですからね、まーこのような財政状況ですから、まー、更にですね、こう、<圧縮していくっていうのは、まー、全体の必要性があると思うんですが、私はね、その、どうもね、この、ここで、議論をやっていますとね、公共事業が一般的におかしつけな議論なんですね。> {<}

...e, desukarane, maa konoyouna zaisei joukyoudesukara, maa, sarani desune, kou, <asshuku shiteikutteiunowa, maa, zentaino hitsuyouseiga aruto omouun desuga, watashiwane, sono, doumone, kono, kokode, gironwo yatteimasutone, koukyou jigyouga, ippantekini okashittena giron nan desune. >{<}

...e, oleh itu, maa、 kerana keadaan ekonomi seperti ini, maa, lebih-lebih lagi, kou, <saya rasa yang menurun adalah keperluan secara keseluruhan, saya, sono, doumone, ini, di sini, yang dibincangkan sekarang adalah, projek rakyat, . satu perbincangan yang pelik.>{<}

1: <XXX>

2: <XXX>

3: <XXX>{>}

[13] Dua orang peserta bercakap serentak dengan ujaran B menyebabkan pertindanan ujaran berlaku. Pertindanan dan suara yang perlakan menyebabkan ujaran iaitu XXX tidak dapat didengar dengan jelas.
(2235-2240)

B: <金はかかるないようにしております。> {<}
<全国区はね、個人の選挙なんです。>

<*kanewa kakaranaiyouni shiteorimasu.*>{<}
<*zenkokukuwane, kojinno senkyo nan desu.*>

<Akan buat supaya tidak melibatkan wang.>{<}
<*national constituency* adalah pilihan raya calon bukan parti>

:<XXX>

:<XXX>{>}

Di dalam dua perbualan ini kita dapat melihat, bagaimana dua orang peserta bertutur sesama sendiri dengan suara perlakan tanpa menghiraukan ujaran C dan B. Jika peserta # ini ingin mengambil giliran, mereka pastinya akan

bercakap dengan lebih kuat untuk mengambil giliran atau membuat celahan. Mereka juga boleh meminta kebenaran daripada P maupun penutur semasa. Keadaan ini walaupun tidak bertujuan merampas giliran tetapi merupakan satu gangguan kepada pihak yang berlawanan terutama kepada penutur semasa. Perlakuan seperti ini hanya berlaku sekiranya penutur yang membuat celahan itu iaitu peserta # memang berniat untuk mengganggu penutur semasa B dan C.

Daripada data perbualan [1] hingga [13], kita dapat membuat kesimpulan bahawa pertindanan berlaku,

1. akibat celahan penutur kedua ([1]-[9]),
2. pada hujung ujaran penutur semasa dan awal ujaran penutur kedua, tanpa niat penutur kedua untuk merampas giliran tetapi kerana mengagak penutur semasa telah berada pada kemungkinan TRP ([10]),
3. pada hujung ujaran penutur semasa dan awal ujaran penutur kedua, dengan niat penutur kedua untuk merampas giliran. ([11]), dan
4. akibat celahan bukan dengan tujuan untuk merampas giliran tetapi untuk mengganggu dan memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa. Ia juga bertujuan agar ujaran penutur semasa tidak dapat di dengar dengan jelas. Ia dilakukan oleh peserta dari kumpulan yang berlawanan.([12]-[13])

4.3.3 Kuasa di dalam Perbualan

Celahan kerap dilakukan oleh peserta yang kanan tanpa mengira sama ada peserta-peserta tersebut dari parti pemerintah maupun parti pembangkang. ‘Kanan’ bermaksud seseorang peserta perbualan di dalam sesuatu sesi merupakan orang yang lebih berumur, lebih berpengalaman, lebih lama memegang jawatan tertinggi parti atau lebih tinggi kedudukannya di dalam parti atau kerajaan. Mereka ini akan terus melakukan celahan atau merampas giliran bercakap dan perlakuan ini menyebabkan pertindanan berlaku.

Sebaliknya peserta yang ‘kurang’ kanan atau lebih muda umurnya akan meminta kebenaran P ataupun penutur semasa sebelum mengambil giliran bercakap, seperti yang terdapat di dalam data perbualan [8]. Peserta ini apabila dicelah atau diganggu oleh peserta yang kanan akan cuba meneruskan ujaran bersama peserta kanan ini, namun biasanya mereka akan mengalah dan menyerahkan hak bercakap kepada peserta kanan.

a) Kuasa oleh Peserta yang Lebih Berumur dan Lebih Lama Memegang Jawatan

Kita dapat melihat di dalam ujaran [12] dan [13] di dalam 4.3.2 (a), B dan C dari parti pemerintah merupakan peserta yang lebih muda dari segi umur dan kerjaya, telah diganggu oleh beberapa orang peserta kanan dari parti pembangkang. Di dalam kedua-dua perbualan ini B dan C setelah bercakap beberapa ketika, menghentikan ujarannya. Kita juga boleh melihat perbualan [7] di mana peserta yang lebih berumur, lebih lama pengalaman politik dan salah

seorang pemimpin tertinggi di dalam sebuah parti iaitu E, terus membuat ujaran walaupun giliran telah diberikan kepada C. E bercakap seiring dengan ujaran C dan menyebabkan ujaran mereka bertindan.

Di dalam perbualan [8] pula, B cuba meminta hak bercakap dari F, tetapi tidak dihiraukan oleh F. B kemudiannya berdiam diri dan F meneruskan gilirannya.

Di sini kita dapat melihat bagaimana peserta yang lebih muda akan membuat celahan hanya untuk meminta giliran bercakap sebaliknya peserta kanan membuat celahan untuk merampas hak bercakap.

Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam perbualan berikut. GG yang merupakan peserta kanan telah memberi arahan kepada BB agar berdiam diri sedangkan hak bercakap telah diberikan kepada BB.

[14] GG yang kanan membuat celahan dan cuba merampas giliran daripada BB. P akhirnya memberi giliran kepada GG.

(2147-2165)

P: <はい、BBさん。> {<}

Hai, BBsan.

Ya, En.BB.

BB: <まず政党、>

Mazu seitou,

Pertama sekali parti politik,

P: <今、今、>

Ima,ima

Sekarang, sekarang,

BB: <まず政党を選んで、>

Mazu seitouwo erande,

Pertama sekali memilih parti politik,

GG: <XXX。>

P: <今、今>

Ima,ima

Sekarang, sekarang

BB: <それから後は、ちょっと待ってください。> {>}

Sorekara, atowa, chotto mattekudasai.

Dan, selepas itu, sila tunggu sekejap.

GG: ちょっと BB さん、聞きなさいよ。(うん)

Chotto BB san, kikinasaiyo.(un)

En. BB, awak dengar sekejap.(un)

P: はい。

Hai.

Ya.

GG: あのね、私が全部まわったんだからね、(うんうん) ...

Anone, watashiga zenbu mawattandakarane, (un un)...

Anone, oleh kerana saya telah pergi ke semuanya, (un un)...

Semasa GG mengganggu percakapan BB, P telah dua kali memberitahu GG bahawa ‘sekarang’ adalah giliran BB. P telah mengujarkan *ima, ima* (sekarang, sekarang) sebanyak dua kali sebagai amaran kepada GG bahawa ‘sekarang’ adalah giliran BB. Apabila BB merasa terganggu, (dapat dilihat melalui ujaran *Sorekara, atowa, yang tergantung*) BB telah meminta supaya GG menunggu sekejap, dengan mengujarkan *chotto mattekudasai*, tetapi sebaliknya GG pula menyuruh BB mendiamkan diri iaitu melalui ujaran *Chotto BB san, kikinasaiyo* dengan agak kasar. P akhirnya memberi giliran kepada GG melalui ujaran *hai* dan GG membuat ujaran seterusnya.

BB menggunakan ayat perintah *kudasai* di dalam ujarannya *chotto mattekudasai* (sila tunggu sekejap) terhadap GG. GG kerana ‘kekananannya’ menggunakan ayat perintah *nasai* di dalam ujarannya, *Chotto BB san, kikinasaiyo* (awak, dengar sekejap). Penggunaan *kudasai* merupakan satu bahasa yang sopan berbanding *nasai* yang dianggap tidak sopan. *Nasai*

biasanya digunakan terhadap seseorang yang bertaraf lebih rendah daripada sif penutur. Misalnya, dari seorang ayah kepada anak, abang kepada adik atau guru kepada pelajarnya.

Di dalam konteks perbualan ini, penggunaan *nasai* tidak sesuai digunakan walaupun oleh peserta kanan kerana taraf antara mereka yang sama iaitu mereka adalah golongan ahli politik yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Lagipun BB dan GG merupakan dua kumpulan yang berbeza dan penting bagi mereka untuk bercakap dengan sopan.

Di dalam bahasa Jepun terdapat konsep *uchi* dan *soto* di mana adalah penting untuk bercakap menggunakan bahasa yang lebih sopan apabila bercakap dengan orang yang berada di daerah ‘luar’. Morita (1995) menyatakan semakin jauh hubungan antara dua orang penutur, maka bahasa yang digunakan akan menjadi lebih sopan.

Berdasarkan konsep *uchi* dan *soto* ini, adalah tidak sesuai untuk GG menggunakan kata perintah *nasai* kepada BB. Ini kerana BB dan GG merupakan dua ahli kumpulan parti politik yang berbeza dan sudah tentulah hubungan antara mereka adalah hubungan asimetri, di mana sepatutnya penggunaan bahasa yang lebih sopan perlu digunakan bagi menunjukkan hubungan atau jarak yang renggang di antara mereka .

Di dalam masyarakat Jepun, penggunaan kata perintah *nasai* atau panggilan *anata* tidak digalakkan kerana penggunaannya dianggap boleh merendahkan taraf seseorang. Penggunaan kata sedemikian kebiasaannya digunakan di antara keluarga terutama kepada anak-anak dan bukan di dalam perbualan di luar daripada lingkungan keluarga.

Seseorang yang tahu berbahasa Jepun akan merasa tidak senang jika seseorang penutur asli memanggilnya dengan panggilan *anata* (awak) atau menggunakan kata perintah *nasai* terhadapnya. Sebagai contoh, selama hampir 8 tahun bekerja sebagai pensyarah bahasa Jepun penggunaan *anata* atau *nasai* tidak pernah ditujukan kepada penulis baik daripada pensyarah yang bertaraf profesor mahupun tidak. Ini menunjukkan penggunaan kata sedemikian merupakan satu ‘larangan’ di dalam perbualan kecuali di dalam situasi yang begitu terhad.

Penulis juga pernah membuat percubaan dengan menggunakan kata perintah *nasai* dan *yarimasu* (*yarimasu* bermakna ‘memberi’ iaitu satu lagi bentuk kata yang ditujukan kepada seseorang yang bertaraf rendah seperti oleh guru kepada murid atau ibu bapa kepada anak-anak) terhadap para pelajar Universiti Chuo, Jepun semasa bertugas di sana dan ternyata beberapa orang pelajar membetulkan ujaran penulis dan memberi penggunaan kata yang sesuai iaitu *kudasai* dan *agemasu*.

Sebenarnya walaupun penulis mengetahui bahawa penggunaan kata tersebut adalah tidak sesuai penulis tidak menyangka bahawa pelajar-pelajar akan membantah secara terus terang terhadap ujaran penulis. Ini kerana dari segi teorinya, seseorang yang bertaraf lebih tinggi ‘boleh’ menggunakan penggunaan kata tersebut kepada orang yang bertaraf lebih rendah. Perkara ini diketahui oleh semua orang yang mengetahui bahasa Jepun. Tetapi sebaliknya penggunaannya seolah-olah dilarang di dalam perbualan sebenar di peringkat golongan orang dewasa. Ini menunjukkan penggunaannya terhadap golongan *soto* mahupun *uchi* tidak wajar digunakan bagi menghormati hak seseorang individu.

Berdasarkan contoh-contoh dan penerangan di atas GG tidak sepautnya menggunakan kata perintah *nasai* terhadap BB kerana bukan sahaja BB dianggap sebagai orang luar yang sepautnya digunakan bahasa sopan terhadapnya, tetapi juga demi menjaga hak dan air muka BB. GG menggunakan kata perintah seperti itu untuk menunjukkan kepada BB kuasa yang dimilikinya sebagai orang yang lebih berumur dan kanan daripada BB.

b) Kuasa oleh Peserta yang Berkedudukan Lebih Tinggi

Kuasa bukan sahaja ditunjukkan oleh peserta yang lebih berumur tetapi juga oleh peserta yang mempunyai kedudukan lebih tinggi di dalam sesuatu parti politik.

Penggunaan kata perintah *nasai* turut digunakan oleh L, seorang pemimpin tertinggi sebuah parti apabila ujarannya diganggu oleh seorang peserta dari pihak yang berlawanan, seperti berikut.

[15] L seorang pemimpin tertinggi sebuah parti pembangkang menggunakan ayat perintah *nasai* yang agak kasar setelah ujarannya diganggu oleh M dan # dari pihak yang berlawanan.

(4583-4597)

L: ...もともとその与党案にですねー、(うん) 請託外すっていうのはもともとの野党案ですよ。

...motomoto sono yotouanni desunee,(un) seitaku hazusutteiunowa motomotono yatouandesuyo.

..Pada rang undang-undang yang dibuat oleh parti kerajaan, (un) terdapat cadangan yang dikeluarkan dan itu adalah sebenarnya rang undang-undang yang dibuat oleh parti pembangkang.

M: <いやー、一番上から見てみましょうか?。> {<}

<Iyaa, ichiban uekara mitemimashouka?.>{<}

<Tidak, mahu tengok dari yang pertama?.>{<}

#: <あんた XXX 国會議員、>

<Anta XXX kokkai giin,>

<Awak, XXX ahli Diet,>

L: <それからねー、あのー、まー最後に最後まで、>
あなた、話聞きなさいよ、

<Sorekaranee, anou, maa saigoni saigomade, > anata,
hanashi kikinasaiyo,

<Selepas itu, *anou, maa* akhir sekali, sampai akhir,
>**awak, dengar cakap saya,**

P: <はい。>

<*Hai.*>

<Ya.>

L: <まー、ルール守ない人ですねー。>

<*Maa, ruuru mamonnai hitodesunee.*>

<*Maa, awak orang yang tidak mematuhi peraturan.*>

P: <はい、Lさん。> {>}

<*Hai, L san.*>{>}

<Ya, En. L.>{>}

L: それでねー、....

Soredenee,...

Dan,...

Ujaran L iaitu *anata* (awak) dan *nasai* di dalam *anata hanashi kikinasaiyo* (awak, dengar cakap saya) merupakan satu panggilan yang agak kasar. Penutur bahasa Jepun biasanya tidak akan memanggil seseorang dengan ungkapan *anata* tetapi sebaliknya dengan panggilan *san* selepas pangkal nama yang membawa makna ‘encik’, seperti contoh di bawah,

C: *Esannone, itteruyounakoto ittarane, genjitsuno seiji nante ugokanai to omoimasuyo,*

Jika kita berkata seperti apa yang dikatakan oleh **Encik C**, saya rasa sukar untuk politik yang sebenarnya berfungsi,

Di dalam data perbualan di bawah ini pula, ada peserta memanggil peserta lain dengan panggilan *sensei* yang membawa maksud ‘guru’ atau ‘cikgu’. Data perbualan di bawah ini menunjukkan A memanggil E yang lebih kanan daripadanya dengan panggilan *sensei*.

A: *Hai, sorewa desune, Esenseino osshattanowa desune,*

Ya, itu, **apa yang dikatakan oleh ‘guru’** E adalah,

Panggilan *sensei* merupakan panggilan biasa kepada seorang yang berkedudukan tinggi seperti pemimpin parti-parti politik, peguam, doktor dan sebagainya bagi menunjukkan rasa hormat. Panggilan *sensei* tidak terhad kepada seseorang yang berjawatan guru atau pensyarah sahaja. A juga menggunakan bentuk sopan bagi perkataan ‘dikatakan’ (*ittanowa*) iaitu *osshattanowa*. Ini menunjukkan bahawa A sememangnya menghormati kedudukan E sebagai seorang yang kanan dan jauh lebih berpengalaman daripada dirinya walaupun sedang berdebat dan mengkritik E.

Seorang guru sekolah rendah juga biasanya tidak menggunakan *anata* kepada murid-muridnya, tetapi dengan panggilan *chan* selepas pangkal nama yang menunjukkan hubungan yang mesra. Berbeza dengan contoh perbualan

oleh C dan A di atas, nyata panggilan ‘*anata*’ oleh L kepada peserta lain yang mempunyai kedudukan simetri yang sama tinggi (sama-sama ahli politik yang disegani) dengannya itu merupakan satu panggilan yang tidak sopan. Begitu juga dengan penggunaan kata perintah *nasai* oleh L, nyata agak kasar dan tidak sesuai digunakan.

L juga mengkritik sikap M dan # secara terus terang iaitu melalui ujaran *maa, ruuru mamonnai hitodesunee*, (awak, orang yang tidak mematuhi peraturan) kerana tindakan mereka yang cuba merampas giliran. P akhirnya memulangkan semula giliran bercakap kepada L dan L meneruskan ujarannya yang tertangguh.

Menurut Morita (1995), penutur bahasa Jepun juga lebih cenderung menggunakan ayat atau ujaran yang tidak terus terang terutama terhadap orang luar atau orang yang berstatus lebih tinggi. Morita juga berpendapat konsep *uchi* dan *soto* turut diaplikasikan di dalam sikap tidak terus terang di dalam perbualan bahasa Jepun di mana ayat-ayat yang digunakan mempunyai konotasi ketidakpastian atau taksa. Menurutnya lagi alasan utama kenapa penutur asli bahasa Jepun menggunakan ayat-ayat atau kata yang mempunyai konotasi ketidakpastian ini adalah kerana,

...相手への遠慮や、相手を奉る気持ち、時には「外」の相手として敬遠する意識...

...menghormati perasaan lawan, mengangkat kedudukan lawan, merenggangkan hubungan dengan meletakkan lawan sebagai orang ‘luar’...

(Morita, 1995: 207-208)

Menurut Ogasawara (1972) pula, jika ada penutur asli bahasa Jepun bercakap secara terus terang dan nyata (*hakkiri*), orang itu adalah orang yang pelik. Ini menunjukkan sifat bahasa dan budaya bangsa Jepun yang lebih gemar menggunakan bahasa lembut dan tidak terus terang bagi menjaga sesuatu perhubungan.

Berlawanan dengan pernyataan Morita (1995) dan Ogasawara (1972) L menggunakan ayat yang terus terang di dalam ujarannya. Tindakan L ini secara umumnya adalah berlawanan dengan tindakan penutur asli bahasa Jepun lain yang lebih gemar menggunakan ayat-ayat yang mempunyai konotasi ketidakpastian. Di dalam data perbualan penulis juga, tidak terdapat penutur lain yang mengkritik lawan dengan secara terus terang sebagaimana yang dilakukan oleh L. Oleh itu penulis membuat kesimpulan ini merupakan kes terpencil oleh penutur asli bahasa Jepun yang mengkritik secara terbuka.

Walau bagaimanapun kita tidak dapat mengelak dari membuat hipotesis lain bahawa L ‘berani’ berbuat demikian adalah kerana kedudukannya sebagai pemimpin tertinggi sebuah parti politik pembangkang. L menggunakan

kedudukannya untuk mengkritik secara terbuka lawannya bagi menunjukkan kuasa yang dimilikinya.

Sebagai kesimpulan, kuasa ditunjukkan oleh para penutur melalui,

1. celahan atau cubaan merampas giliran,
2. cubaan untuk bercakap dengan lebih lama,
3. penggunaan kata yang agak ‘kasar’ seperti kata perintah *nasai* dan kata ganti diri kedua, *anata*,
4. bahasa yang terus terang atau mengkritik secara terbuka.

c) Pengesahan Kuasa Peserta oleh P

Sebenarnya bukan peserta yang kanan sahaja yang menunjukkan ‘kuasa’ yang ada pada mereka. Nampaknya P turut mengakui atau mengesahkan ‘kuasa’ peserta ini dengan memberi giliran bercakap kepada mereka.

Di dalam ujaran [15] P nyata memberi giliran kepada L kerana sememangnya L pada ketika itu sedang memegang hak bercakap. Tetapi di dalam ujaran [14], P telah memberi hak bercakap kepada GG sedangkan pada ketika itu hak bercakap sedang dipegang oleh BB. GG membuat celahan ke atas ujaran BB dan terus berbuat demikian walaupun BB meminta supaya GG ‘menunggu sekejap’ (*chotto mattekudasai*). Tetapi GG menjawab dengan kata

perintah yang agak kasar iaitu ‘awak dengar sekejap’ (*kikinasaiyo*). P kemudian memberi hak bercakap kepada GG.

Walaupun P berhak untuk memberi giliran kepada sesiapa sahaja menurut kemahuannya sebagai seorang Pengerusi, tetapi nyata perlakuan ini agak ‘tidak adil’ kepada peserta lain yang telah dinafikan hak bercakap oleh P atau peserta lain yang membuat celahan. Ini kerana P tidak memberi hak yang sama jika peserta yang tidak ‘berkuasa’ cuba mengambil giliran. Tiada bukti yang terdapat di dalam data kajian ini, P memberi hak bercakap kepada peserta yang lebih muda yang cuba mengambil giliran peserta berumur atau lebih kanan. P akan mengekalkan giliran peserta berumur dan kanan terbabit.

Sebaliknya, data kajian ini sekurang-kurangnya menunjukkan terdapat satu penemuan, iaitu data perbualan [14] di mana P memberi giliran bercakap kepada peserta kanan yang membuat celahan dan mengganggu penutur semasa. Dan terdapat satu penemuan juga, iaitu data perbualan [15] di mana P mengekalkan giliran bercakap penutur berkedudukan yang lebih tinggi walaupun cuba dirampas oleh peserta yang berkedudukan lebih rendah di dalam perbualan ini.

4.4 Penutup

Nyatalah bahawa celahan mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu di dalam perbualan seperti untuk membuat pertanyaan, untuk memberi sokongan atau idea, meminta kebenaran untuk bercakap daripada P atau penutur semasa, dan untuk memberi giliran kepada peserta yang lain dan ianya bukan merupakan gangguan di dalam perbualan. Namun terdapat juga celahan yang merupakan gangguan apabila penutur yang membuat celahan cuba untuk mengganggu penutur semasa dan secara tidak langsung berniat agar penutur semasa itu menghentikan ujarannya secepat mungkin. Seseorang yang terus membuat celahan akan menyebabkan pertindanan berlaku dan seterusnya ujaran penutur semasa akan sukar didengar dengan jelas, manakala ujaran penutur kedua pula tidak dapat didengar langsung. Namun bukan semua celahan mengakibatkan pertindanan berlaku. Pertindanan juga berlaku pada akibat faktor-faktor lain.

Kuasa ditunjukkan oleh peserta kanan dari segi umur, tempoh kerjaya politik dan jawatan yang dipegang di dalam sesuatu parti politik. Kuasa ditunjukkan melalui cubaan merampas giliran, bercakap dengan lebih lama, membuat kritikan secara terbuka dan menggunakan perkataan yang agak ‘kasar’ seperti kata perintah *nasai* dan kata ganti diri kedua, *anata*.